

Formula tarik pelancong

FAKTA
Pemenang
perbarisan
terima
RM1,000

Harian Metro 04/10/2010

>>Oleh Ibrahim Isa
ibrahim@hmetro.com.my

BATU PAHAT: Daerah ini bakal menawarkan produk pelancongan terbaru mulai tahun depan apabila kerajaan negeri dijangka menyenaraikan acara perarakan 'Town and Gown' Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), bagi menambah keunikannya.

Sebelum ini, Batu Pahat terkenal dengan sajian nasi briyani dan asam pedas serta tarikan makanan tradisional dan kerepek di Parit Raja selain jualan barangan terpakai di Rengit dan cenderahati di Ayer Hitam.

Bagaimanapun, perarakan 'Town and Gown' yang dilakukan UTHM bersempena Majlis Konvokesyen bermula tahun lalu dilihat formula tepat bagi menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara berkunjung ke daerah ini.

Pegawai Daerah Batu Pahat, Norizan Kulob berkata, perarakan 'Town and Gown' bertujuan menghebahkan majlis konvokesyen UTHM yang dapat dijadikan aktiviti pelancongan di sana.

"Melihat kejayaan perarakan, kami akan mencadang-



BERARAK...antara kontinjen yang meyertai perarakan, kelmarin.

kan kepada kerajaan negeri supaya menyenaraikannya di dalam kalendar pelancongan daerah ini.

"Tidak dinafikan Batu Pahat masih mencari produk pelancongan tersendiri dan saya percaya perarakan ini boleh menjadi lebih besar seperti di Pasadena, California, Amerika Syarikat (AS) yang berjaya menarik ramai pelancong," katanya berucap merasmikan perarakan 'Town and Gown' UTHM di Stadium Batu Pahat di sini, malam kelmarin.

Dalam acara tahunan itu, seramai 1,835 peserta daripada 35 kontinjen mengambil bahagian membabitkan jarak sejauh 2.58 kilometer (km) melalui beberapa jalan utama di pusat bandar seperti Jalan Ampuan, Jalan Mohd Saleh, Jalan Rahmat dan berakhir di Stadium Batu Pahat.

Turut serta Unit Berkuda Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Brass Band (genderang) Ikatan Relawan Rakyat (Rela), konvoi 40 motosikal berkuasa tinggi

serta pertunjukan bunga api.

Norizan berkata, perarakan itu dapat melahirkan rasa 'kekitaan' antara dua komuniti iaitu penduduk Batu Pahat dan warga UTHM.

Kemuncak perarakan adalah upacara pembacaan pengisytiharan dan penyerahan skrol konvokesyen kepada Norizan.

Pejabat Bendahari UTHM muncul juara perarakan perbarisan terbaik sekali gus membawa pulang wang tunai RM1,000 dan sijil.